



TEKS UCAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN JALAN MASUK
UTAMA KE HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JUMAAT | 4 OKTOBER 2024 | 3.00 PETANG

(SALUTASI)

Yang Berhormat Datuk Ts. Mustapha bin Sakmud

Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan Tinggi

Yang Berbahagia Dato' Seri Azman bin Ibrahim

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Datuk Mohamad Azhan bin Md. Amir

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan)

Kementerian Pendidikan Tinggi

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Kasim bin Hj. Mansor

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

Dif-dif terhormat

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerajaan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, syukur kepada Tuhan kerana kita diberikan kesempatan untuk bersama-sama hadir dalam Majlis Penyerahan Projek **UMS- PEMBINAAN JALAN MASUK UTAMA SEPANJANG 1.5KM KE HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (HUMS)**.
2. Selari dasar Malaysia MADANI yang berpaksikan kepada Kesejahteraan Rakyat, hari ini dapat kita saksikan kejayaan sebuah lagi projek yang merupakan projek Rakyat MADANI yang menitik-beratkan kepada kesejahteraan negara dan rakyat. Projek ini juga selaras dengan Pelan Strategik Operasi Kementerian Kerja Raya yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kelestarian projek-projek di bawah seliaan KKR.
3. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang berjaya melaksanakan projek **UMS - PEMBINAAN JALAN MASUK UTAMA SEPANJANG 1.5KM KE HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (HUMS)** ini bagi menambah baik kemudahan infrastruktur awam di Sabah khususnya di Universiti Malaysia Sabah.
4. Pembinaan Projek ini tidak lain dan tidak bukan bertujuan untuk meningkatkan aksesibiliti rakyat kepada fasiliti Kesihatan yang disediakan oleh Hospital Pengajar UMS. Jalan baharu yang dibina dari Jalan UMS dan bersambung ke Jalan Yayasan-Kampung Kibagu untuk ke Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah pastinya akan memudahkan serta mengurangkan

kesesakan aliran trafik jalan dalaman UMS dan menjimatkan masa perjalanan ke HUMS. Dan pastinya penduduk dan masyarakat setempat dapat memanfaatkan laluan ini apabila HUMS siap dibina dan dapat berfungsi sepenuhnya menjelang tahun 2026.

Para Hadirin Yang Dihormati,

5. Untuk perkongsian bersama, projek ini telah dimulakan pada 15 Mac 2021 dengan kos kontrak bernilai **RM 18.94 juta**. Projek ini direkabentuk sepenuhnya oleh JKR Malaysia manakala Pegawai Penguasa projek adalah JKR Sabah di mana kontraktor pelaksana ialah Kini Progresif Sdn Bhd.
6. Projek ini telah disiapkan dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah diperakukan pada 01 Julai 2024. Berbagai cabaran yang dihadapi dalam menyiapkan projek ini terutama wabak Pandemik Covid19 dan pelaksanaan PKP yang menghambat penggunaan sumber manusia dan pergerakan jentera serta bahan binaan.
7. Lokasi tapak projek juga menjadi cabaran dalam pelaksanaan projek ini kerana terdapat pelbagai agensi utiliti yang terlibat seperti Sabah Electricity Sdn Bhd, Telekom Malaysia, Jabatan Air Negeri Sabah dan utiliti dalaman UMS. Hal ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada tempoh penyiapan projek.
8. Justeru saya boleh katakan ini merupakan satu pencapaian yang kita semua boleh banggakan bersama. Dengan komitmen semua terutama pihak pengurusan tertinggi, pasukan projek JKR, Pihak UMS, kesungguhan pihak kontraktor, serta kerjasama erat yang

turut diberikan oleh semua jabatan, agensi yang terlibat dan tidak ketinggalan pihak berkuasa tempatan dalam memastikan projek ini dapat disiapkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua.

YB Datuk, Dato Seri, Dato-Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

9. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai Kementerian pelanggan dalam memberikan kepercayaan kepada KKR khususnya JKR Sabah untuk melaksanakan projek ini. Semoga projek pembinaan ini dapat mencapai objektif dan sekaligus dapat dimanfaatkan oleh semua pengguna jalan raya, pelajar, pentadbir dan masyarakat setempat.
10. Saya amat yakin projek ini telah memberikan pengalaman dan pengajaran yang berguna atau *lessons learned* kepada semua yang boleh digunakan dan diaplikasikan dalam projek-projek serupa di masa hadapan. Prestasi kontraktor juga boleh dinilai dan jika ianya cemerlang maka ianya boleh disertakan dalam senarai kontraktor berwibawa untuk kolaborasi di masa hadapan.

PENUTUP

11. Akhir kata, saya berharap pembangunan infrastruktur di negara kita akan terus berkembang pesat dan sektor pembinaan akan terus menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara dan pembangunan kontraktor di Malaysia khususnya di Sabah. Projek sebegini merupakan bukti Kerajaan Madani cakna

dan bersikap adil kepada semua negeri di Malaysia demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

12. Dengan penuh kesyukuran dan berbesar hati, saya dengan ini merasmikan **Majlis Penyerahan Projek UMS - PEMBINAAN JALAN MASUK UTAMA SEPANJANG 1.5KM KE HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (HUMS).**

Sekian, terima kasih.